

D.R. 20/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 3

2. Akta Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 3(1)—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dalam takrif “Registrar”, dengan menggantikan noktah di hujung takrif itu dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “pengutang penghakiman” takrif yang berikut:

‘“teknologi komunikasi jarak jauh” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 40A Akta Pentadbiran;’.

Penggantian seksyen 34

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 34 dengan seksyen yang berikut:

“Wakalah **34.** (1) Pelantikan seseorang Peguam Syarie hendaklah dilafazkan oleh orang yang melantiknya dan diterima oleh Peguam Syarie yang dilantik sedemikian sebelum Peguam Syarie itu memulakan apa-apa tindakan bagi pihak orang yang melantiknya itu.

(2) Pelantikan dan penerimaan pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam Borang MS 5 dan hendaklah difailkan di Mahkamah.”.

Pindaan seksyen 100

4. Seksyen 100 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “dalam Mahkamah terbuka” perkataan “atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh”.

Pindaan seksyen 109

5. Seksyen 109 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “banduan” perkataan “atau orang yang ditahan”;
- (b) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “penjara” perkataan “atau ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang merupakan saksi atau pihak dalam sesuatu prosiding,”; dan

- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “saksi dalam jagaan selamat” dengan perkataan “orang yang disebut dalam subseksyen (1)”.

Pindaan seksyen 119

6. Seksyen 119 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) sebagaimana yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa untuk mendengar apa-apa kausa atau perkara atau mana-mana bahagiannya secara tertutup jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah suai manfaat untuk berbuat demikian demi kepentingan keadilan, kesejahteraan awam, keselamatan awam atau kesusilaan, atau bagi sebab lain yang mencukupi.”.

Pindaan seksyen 247

7. Subseksyen 247(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) tatacara dan amalan mengenai prosiding yang dijalankan di mana-mana tempat lain selain Mahkamah atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh;”.

Pindaan Jadual Ketiga

8. Jadual Ketiga kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam Borang MS 3, dengan menggantikan perkataan “defendant” dengan perkataan “responden”;

Rang Undang-Undang

- (b) dalam Borang MS 5, dengan memotong perkataan “Di hadapan saya,

.....
Hakim/Pendaftar”;

- (c) dalam Borang MS 24—

- (i) dalam kepala Borang MS 24, dengan menggantikan perkataan “**DIDALAM PENJARA**” dengan perkataan “***DIKURUNG DI DALAM PENJARA/DITAHAN DIBAWAH MANA-MANA UNDANG-UNDANG BERTULIS**”;
- (ii) dalam perenggan 1, dengan menggantikan perkataan “banduan yang dikurung di penjara/tempat tahanan” dengan perkataan “*orang yang dikurung di dalam penjara/ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis”;
- (iii) dalam perenggan 3, dengan memotong perkataan “di bawah seksyen 30 Akta Penjara 1995”; dan
- (iv) dengan menggantikan perkataan “Diangkat sumpah (seperti dalam Borang MS 26).” dengan perkataan “Diangkat sumpah (seperti dalam Borang MS 26).

*Potong jika tidak berkenaan.”; dan

- (d) dalam Borang MS 25—

- (i) dalam kepala Borang MS 25, dengan menggantikan perkataan “**DIDALAM PENJARA**” dengan perkataan “***DIKURUNG DI DALAM PENJARA/DITAHAN DIBAWAH MANA-MANA UNDANG-UNDANG BERTULIS**”; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan “seorang banduan di” dengan perkataan “*orang yang dikurung di dalam/ditahan di”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Tatacara *Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan)* 1998 (“Akta 585”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 585 untuk memasukkan takrif baharu “teknologi komunikasi jarak jauh”.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 34 Akta 585 untuk memudahkan proses pelantikan Peguam Syarie tanpa perlu melafazkan wakalah di hadapan Mahkamah atau Pendaftar. Pelantikan dan penerimaan pelantikan boleh dilafazkan antara pihak-pihak dengan Peguam Syarienya dalam Borang MS 5 dan hendaklah difailkan di Mahkamah. Dengan pindaan ini, pihak-pihak dan Peguam Syarienya itu tidak dikehendaki hadir di hadapan Mahkamah atau Pendaftar untuk melafazkan wakalah.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 100 Akta 585 untuk mengadakan peruntukan bagi penerimaan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 109 Akta 585 bagi membolehkan permohonan dibuat untuk mendapatkan suatu perintah supaya seseorang yang ditahan di mana-mana tempat menurut kuasa yang diberikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dikemukakan di hadapan Mahkamah. Seksyen 109 Akta 585 sedia ada hanya memperkatakan mengenai permohonan berkenaan dengan orang yang dikurung di dalam penjara.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 119 Akta 585 bagi memasukkan peruntukan nyata yang memberi Mahkamah kuasa untuk membenarkan apa-apa prosiding didengar secara tertutup.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 247 Akta 585 bagi memberi Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berhubung dengan tatacara dan amalan bagi prosiding yang dijalankan di mana-mana tempat selain Mahkamah yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 atau prosiding yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.
9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda Borang MS 3, MS 5, MS 24 dan MS 25 dalam Jadual Ketiga.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.